



**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA**

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail :ismailmerican@moh.gov.my

**KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**

**SITUASI SEMASA
DEMAM DENGGI DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Bagi Minggu 2/2011 (9 hingga 15 Januari 2011)

Pada minggu kedua tahun 2011 iaitu bagi tempoh 9 hingga 15 Januari 2011, sejumlah 596 kes Demam Denggi telah dilaporkan di seluruh negara, meningkat sebanyak 75 kes (14%) berbanding 521 kes pada minggu sebelumnya. Sehingga 15 Januari, sejumlah 1,117 kes telah dilaporkan. Walau bagaimanapun, ia berkurangan sebanyak 43% atau 848 kes berbanding 1,965 kes pada minggu kedua tahun lalu. Terdapat sembilan buah negeri telah menunjukkan peningkatan kes berbanding minggu lepas iaitu Selangor meningkat sebanyak 43 kes (25%), Terengganu 17 kes (77%), Johor 11 kes (22%), Sabah 6 kes (43%), Perlis 5 kes (250%), P.Pinang 4 kes (10%), Sarawak 4 kes (9%), N.Sembilan 3 kes (50%) dan Melaka meningkat sebanyak 2 kes (11%) (Lampiran A). Tiada kematian akibat Denggi dilaporkan pada minggu lepas.

Sejumlah 110 lokaliti wabak denggi dipantau di seluruh negara dan daripada jumlah tersebut, 10 lokaliti *hot spots* dikenalpasti pada minggu lepas, berbanding 5 lokaliti pada minggu sebelumnya, dengan melibatkan sebanyak 125 kes Demam Denggi (Lampiran C). Empat atau 40% daripada 10 lokaliti *hot spots* ini masih mempunyai kadar pembiakan Aedes yang tinggi (Lampiran D). Terdapat 4 atau 40%

daripada 10 lokaliti hotspots ini yang menjalankan aktiviti gotong-royong iaitu di Kg Baru Sg Terentang serta Taman Tun Teja Appartment Rawang di daerah Gombak, Taman TAS Selatan di daerah Kuantan dan Taman Molek di daerah Johor Baharu.

Pada minggu kedua bagi tahun ini, kes yang dilaporkan telah menunjukkan peningkatan dan keadaan ini perlu dipandang serius oleh semua pihak terutama masyarakat bagi mencegah peningkatan kes ini terus berlaku. Langkah pencegahan melalui menghapuskan tempat pembiakan Aedes dengan meluangkan hanya 10 minit seminggu untuk memeriksa dan menghapuskan tempat pembiakan Aedes, dapat mencegah penularan Demam Denggi. Pemeriksaan tempat-tempat berpotensi pembiakan nyamuk Aedes perlu dijalankan terutama bagi mereka yang ingin pulang ke kampung sempena cuti perayaan yang disambut pada bulan ini. Kerjasama yang berterusan daripada masyarakat amat diharapkan bagi sama-sama mencegah Demam Denggi dari terus berlaku.

Bagi Penyakit Chikungunya untuk tempoh 9 hingga 15 Januari 2011, terdapat 2 kes dilaporkan, iaitu di Sabah. Jumlah terkumpul kes Chikungunya ialah 2 kes, penurunan sebanyak 99% atau 141 kes berbanding dengan 143 kes bagi tempoh yang sama pada tahun 2010 (Lampiran B).

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD ISMAIL MERICAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

17 Januari 2011

Lampiran A

KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 2/2011
(9 hingga 15 Januari 2011)

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan		Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 2/2011	Jumlah Terkumpul kes denggi sehingga minggu 2/2010
		Minggu 2 (9 – 15 Januari 2011)	Minggu 1 (2 – 8 Januari 2011)		
1	Perlis	7	2	9	1
2	Kedah	11	15	26	12
3	P. Pinang	46	42	88	65
4	Perak	25	36	61	61
5	Selangor	213	170	383	868 (3)
6	WPKL & Putrajaya	36	36	72	145 (1)
7	N. Sembilan	9	6	15	45
8	Melaka	21	19	40	15
9	Johor	61	50	111	95
10	Pahang	34	34	68	38
11	Terengganu	39	22 (1)	61 (1)	33
12	Kelantan	23	28	51	33
13	Sarawak	50	46	96	462 (1)
14	Sabah	20	14	34	90
15	WP Labuan	1	1	2	2
	MALAYSIA	596	521 (1)	1,117 (1)	1,965 (5)

Nota: () Kematian

Lampiran B

**KES CHIKUNGUNYA DILAPORKAN PADA MINGGU 2/2011
(9 hingga 15 Januari 2011)**

Bil	Negeri	Bilangan Kes		Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 2/2011	Jumlah Terkumpul kes Chikungunya sehingga minggu 2/2010
		Minggu 2 (9 – 15 Januari 2011)	Minggu 1 (2 – 8 Januari 2011)		
1	Perlis	0	0	0	0
2	Kedah	0	0	0	0
3	P. Pinang	0	0	0	0
4	Perak	0	0	0	0
5	Selangor	0	0	0	4
6	WPKL & Putrajaya	0	0	0	0
7	N. Sembilan	0	0	0	0
8	Melaka	0	0	0	0
9	Johor	0	0	0	1
10	Pahang	0	0	0	1
11	Terengganu	0	0	0	0
12	Kelantan	0	0	0	1
13	Sarawak	0	0	0	135
14	Sabah	2	0	2	1
15	WP Labuan	0	0	0	0
	MALAYSIA	2	0	2	143

Lampiran C

**SENARAI LOKALITI *HOT SPOTS* DILAPORKAN SEHINGGA MINGGU 2
BAGI TAHUN 2011**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	MPAJ (GB)	Taman Ukay Perdana (Zon 1)	19	64
2	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Baru Sg Terentang	17	45
3	SELANGOR	MPSJ (PT)	Serdang Raya (SR 5 & SR 6)	10	36
4	SELANGOR	K.Selangor	Teratai Bandar Baru Kuala Selangor	6	36
5	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Belmas Johan	7	34
6	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Tun Teja Apartment Rawang	10	33
7	WPKL	Cheras	Taman Miharja (Fasa 1)	15	39
8	WPKL	Cheras	Miharja Kondominium Fasa 3A	8	31
9	PAHANG	Kuantan	Taman Tas selatan	14	46
10	JOHOR	MBJB	Taman Molek Jln Molek 3	19	36

Lampiran D

**SENARAI LOKALITI HOT SPOTS YANG MASIH MEMPUNYAI KADAR
PEMBIAKAN NYAMUK AEDES YANG TINGGI PADA MINGGU 2
BAGI TAHUN 2011
(9 hingga 15 Januari 2011)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Peratus rumah positif daripada jumlah rumah diperiksa (%)	Jum. bekas positif daripada 100 rumah diperiksa
1	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Belmas Johan	14.3	14
2	SELANGOR	MPS (GB)	Kg Baru Sg Terentang	9.1	9
3	SELANGOR	MPS (GB)	Taman Tun Teja Apartment Rawang	4.0	4
4	SELANGOR	MPSJ (PT)	Serdang Raya (SR 5 & SR 6)	2.0	4